



18 September 2017
18 September 2017
P.U. (A) 265

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 5) 2017

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 5) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

**PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 5) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 5) 2017.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 19 September 2017.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Nota Jangka Sederhana Islam, yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh MKD Kencana Sdn. Bhd. menurut Program Terbitan Nota Jangka Sederhana Islam, yang disebut “Sukuk Murabahah” dalam Perintah ini, dengan nilai nominal sehingga tiga bilion empat ratus ratus ringgit (RM3,400,000,000.00); dan

(b) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Sukuk Murabahah.

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya: